



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

28 Mei 2016

Kenyataan Media YB Dato' Hasan bin Arifin, Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara Berhubung Penyiaran Artikel Akhbar Wall Street Journal

- 1) Selaku Pengerusi PAC saya ingin menafikan bahawa pemilik Good Star Limited adalah Low Taek Jho seperti yang dinyatakan oleh akhbar Wall Street Journal dengan mengaitkan surat Bank Negara terhadap Jawatankuasa ini.
- 2) Ini kerana Bank Negara Malaysia sendiri menyatakan maklumat yang diberikan adalah bertaraf risikan. PAC bukan badan perisikan dan maklumat yang diterima mestilah sahih dan benar.
- 3) Disebabkan maklumat yang diterima PAC adalah bertaraf risikan, PAC tidak boleh memasukkan maklumat itu kerana ia bercanggah dengan tugas dan tanggungjawab dan boleh menimbulkan prejedis terhadap pelbagai pihak.
- 4) Selain itu, Bank Negara Malaysia sendiri sudah menyatakan siasatan terhadap 1MDB sudah selesai dan syarikat berkenaan sudah dikenakan kompaun secara pentadbiran, PAC juga telah membentangkan laporan ke parlimen oleh itu perkara ini telah selesai dan tidak perlu dipolitikkan.

Tamat

Dato' Hasan bin Arifin
28 Mei 2016